

# JUTAWAN BAJU TIRUAN

## ■ Lelaki jual pelbagai pakaian berjenama tiruan ditahan

**Mohd Jamilul Anbia Md Denin**  
 am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Buat keuntungan ber-

**K**uata ringgit sejak hampir 10 tahun lalu hingga mampu bergelar 'jutawan.' Itu antara aktiviti seorang peniaga tempatan yang aktif menjual pelbagai pakaian berjenama terik-muka tiruan untuk pasaran seluruh negara.

Malah keuntungan lumayan dikecapi membolehkan

Pengalaman Kuasa Ke-

menterian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Enawal Peng-

(KPD-NHEP), Rosli Ahmad berkata, lelaki warga tempatan bersia-sia 40-an itu dikesan men-

jadi pemborong utama pa-

kaiannya berjenama terkenal

tiruan dikawasan perniagaan

jalan Kenanga di sini.

Menurutnya, lelaki

itu mempunyai per-

anggan di seluruh

Malaysia hasil ak-

tiviti penjualan

dalam talian selain

tempahan melalui aplikasi WhatsApp.

"Kegiran ini ba-

gaimanapun dibongkar

pihak KPDNHEP yang

menerusi premis suspek

sejumblah 13,056 helai pakai-

pekerjahan warga Banga-

desh dan Myanmar ditahan

reman untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat meng-

kut Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 atas kesala-

han mendedah," membekal

dan menyimpan "sejumlah

barang yang disyaki

menggunakan perifil dag-

gaan palsu," katanya.

Dia berikata, suspek boleh

didenda tidak melebihi

RM15,000 bagi setiap barang

yang menggunakan perifil

dagangan palsu.

"Siasatan mendapat sus-

pek memperoleh bekalan

baju tiruan itu dari Bang-

ladesh dan China. Ada se-

bahagian baju jenama ter-

kemuka tiruan itu dihasilkan

di luar negara selain ada an-

taranya dicetak di Malaysia,"

katanya.

Dalam operasi membat-

kan 14 anggota pengauktukasa

KPDNHEP Putrajaya bersa-

ma wakil pemilik cap dagang

menyerbu premis pembo-

rong pakaian itu.

"Hasil penapisan itu,

sejumblah 13,056 helai pakai-

an tiruan dianggarkan ber-

### FAKTA

Hasil pemeriksaan

13,056 helai pakaian


tiruan dianggarkan

bernilai RM1355,980


ditiba



HARI : AHAD  
TARIKH : 23/6/2019  
M/SURAT : 8



PEGAWAI KPDNHEP memeriksa pelbagai baju tiruan yang dirampas dari sebuah premis di jalan Kenanga di sini.



## Jutawan baju tiruan



**PEGAWAI KPDNHEP memeriksa pelbagai baju tiruan yang dirampas dari sebuah premis di Jalan Kenanga.**

**Mohd Jamilul Anbia Md Denin**  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

**KUALA LUMPUR:** Kau tak keuntungan berjuta ringgit sejak hampir 10 tahun lalu hingga mampu bergelar 'jutawan.' Itu antara aktiviti seorang peniaga tempatan yang aktif menjual pelbagai pakaian berjenama terkemuka tiruan untuk pasaran seluruh negara.

Malah keuntungan lumayan dikecapi membolehkan suspek menggaji enam pekerja warga asing untuk menguruskan perniagaan haram dijalankan.

Timbalan Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Rosli Ahmad berkata, lelaki warga tempatan berusia 40-an itu dikesan menjadi pemborong utama pakaian berjenama terkemuka tiruan di kawasan perniagaan Jalan Kenanga di sini.

Menurutnya, lelaki itu mempunyai pelanggan di seluruh Malaysia hasil aktiviti pemasaran dalam talian selain tempahan melalui aplikasi WhatsApp.

"Kegiatan itu bagaimanapun dibongkar pihak KPDNHEP yang menyerbu premis suspek jam 12.30 tengah hari semalam.

"Siasatan mendapat suspek memperoleh bekalan baju tiruan itu dari Bangladesh dan China. Ada sebahagian baju jenama terkemuka tiruan itu dihasilkan di luar negara selain ada antaranya dicetak di Malaysia," katanya.

Dalam operasi membabitkan 14 anggota penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya bersama wakil pemilik cap dagang menyerbu premis pemberong pakaian itu.

"Hasil pemeriksaan itu, sejumlah 13,056 helai pakaian tiruan dianggarkan bernilai RM355,980 disita.

"Pemilik premis dan enam pekerja warga Bangladesh dan Myanmar ditahan reman untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat mengikut Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 atas kesalahan mendedah, membekal dan menyimpan sejumlah barang yang disyaki menggunakan perihal dagangan palsu," katanya.

Dia berkata, suspek boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang menggunakan perihal dagangan palsu.

**Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 23 Jun 2019 @ 5:31 AM**

